

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN REPUBLIK TURKI
DENGAN KERAJAAN MALAYSIA
MENGENAI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN
PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN
CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN
KERAJAAN REPUBLIK TURKI**

DAN

KERAJAAN MALAYSIA

Berhasrat untuk membuat suatu Perjanjian mengenai pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan,

TELAH BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan oleh suatu Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai dilevikan.

2. Hendaklah dianggap sebagai cukai ke atas pendapatan segala cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan, atau ke atas unsur pendapatan, termasuk cukai ke atas keuntungan daripada pemberimilikan harta alih atau tak alih cukai ke atas jumlah amaun upah atau gaji yang dibayar oleh perusahaan.

3. Cukai-cukai yang wujud yang tertakluk pada Perjanjian ini adalah :
- (a) dalam hal di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan; dan
 - (ii) cukai pendapatan petroleum;
(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia")
 - (b) dalam hal di Turki:
 - (i) cukai pendapatan (Gelir Vergisi);
 - (ii) cukai perbadanan (Kurumlar Vergisi);
 - (iii) levi yang dikenakan ke atas cukai pendapatan dan cukai perbadanan (Fon Payı);
(kemudian daripada ini disebut "cukai Turki").

4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai ke atas pendapatan yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai-cukai yang wujud. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan-perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
- (a) istilah "Malaysia" ertinya wilayah-wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia serta dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan perairan wilayah Malaysia, serta dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak-hak kedaulatan bagi maksud-maksud mengexplorasi dan mengexploitasi sumber alam, sama ada yang hidup atau tak hidup;

- (b) istilah "Turki" ertinya wilayah Republik Turki, termasuklah mana-mana kawasan yang undang-undang Turki adalah berkuatkuasa, dan juga pelantar benua yang ke atasnya dipunyai oleh Turki mengikut undang-undang antarabangsa, hak kedaulatan untuk mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber alam;
- (c) istilah "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" ertinya Malaysia atau Turki sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;
- (d) istilah "cukai" ertinya apa-apa cukai yang diliputi oleh Perkara 2 Perjanjian ini;
- (e) istilah "orang" termasuklah individu, syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang dikira sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah "syarikat" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (g) dalam hal Turki, istilah "Pejabat Berdaftar" ertinya ibu pejabat disisi undang-undang yang didaftarkan di bawah Kanun Perdagangan Turki;
- (h) istilah "rakyat" ertinya:
- (i) berhubungan dengan Malaysia, mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan Malaysia dan mana-mana orang, perkongsian, persatuan di sisi undang-undang dan mana-mana entiti lain yang memperolehi statusnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
 - (ii) berhubungan dengan Turki, mana-mana individu yang memiliki kerakyatan Turki mengikut Kanun Kerakyatan Turki, dan mana-mana orang, perkongsian atau persatuan di sisi undang-undang yang memperolehi statusnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Turki;
- (i) istilah "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masingnya bererti perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji dan perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Pihak Pejanji yang satu lagi;

- (j) istilah "pihak berkuasa kompeten" ertinya;
 - (i) di Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (ii) di Turki, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
- (k) ungkapan "lalulintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi.

2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh Negara Pejanji apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang ada di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai-cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin suatu Negara Pejanji" ertinya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara itu, bertanggung kepada cukai di dalamnya disebabkan oleh domisil, pemastautin, ibu pejabat disisi undang-undang (Pejabat Berdaftar), tempat pengurusannya atau mana-mana kriteria lain yang serupa sifatnya.

2. Jika oleh sebab peruntukan perenggan 1 individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka statusnya hendaklah ditentukan seperti berikut:

- (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);
- (b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

- (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di salah satu Negara itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia adalah seorang rakyat;
- (d) jika dia adalah rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat salah satu Negara, maka pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama.

3. Jika, disebabkan oleh peruntukan-peruntukan perenggan 1 orang yang selain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana tempat berkesan pengurusanannya terletak. Walaubagaimanapun, jika orang itu mempunyai tempat berkesan pengurusanannya di salah daripada Negara-Negara itu dan ibu pejabat di sisi undang-undangnya di Negara-Negara Pejanji yang satu lagi, maka pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah berunding untuk menentukan menerusi persetujuan bersama sama ada ibu pejabat di sisi undang-undang orang sedemikian adalah dianggap sebagai tempat berkesan pengurusanannya yang sebenar atau tidak.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

- 1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "establismen tetap" ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya kesemua atau sebahagian daripada perniagaansesuatu perusahaan dijalankan.
- 2. Istilah "establismen tetap" termasuklah terutamanya:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;

- (e) suatu bengkel; dan
- (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau mana-mana tempat lain pengeluaran sumber alam termasuk balak atau keluaran hutan yang lain;
- (g) suatu ladang peternakan atau ladang pertanian;
- (h) suatu tapak bangunan, suatu projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan atau aktiviti penyeliaan yang berkaitan dengannya, tetapi hanya jika tapak projek atau aktiviti tersebut berterusan bagi tempoh suatu melebihi 9 bulan.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan terdahulu Perkara ini, istilah "establismen tetap" hendaklah disifatkan tidak termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud menyimpan, pameran atau penghantaran barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penghantaran;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud memprosesan oleh perusahaan yang lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau dagangan atau pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi perusahaan itu, apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan;
- (f) penyenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi apa-apa gabungan aktiviti yang disebut dalam subperenggan a) hingga e), dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhan tempat perniagaan tetap itu yang berbangkit daripada gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.

4. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang selain daripada suatu ejen bertaraf bebas yang kepadanya perenggan 5 terpakai bertindak bagi pihak suatu perusahaan dan telah, dan lazimnya menjalankan, dalam suatu Negara Pejanji kuasa untuk membuat kontrak bagi pihak perusahaan itu, perusahaan tersebut hendaklah disifatkan mempunyai establismen tetap di Negara itu berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang orang itu mengusahakan untuk perusahaan itu, melainkan jika aktiviti orang tersebut adalah terhad kepada apa yang disebut dalam perenggan 3 yang, jika dijalankan menerusi tempat tetap perniagaan, tidak akan menjadi tempat tetap perniagaan ini establismen tetap di bawah peruntukan perenggan tersebut.

5. Sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji tidak boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan di Negara itu melalui broker, ejen komisyen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang tersebut bertindak dalam perjalanan biasa perniagaannya.

Walaupun bagaimanapun, jika aktiviti ejen sedemikian adalah ditumpukan keseluruhannya atau hampir keseluruhannya bagi pihak perusahaan itu, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bertaraf bebas dalam erti perenggan ini.

6. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah "harta tak alih" hendaklah mempunyai erti yang hanya ada di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Istilah ini hendaklah dalam apa-apa' hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, tiap-tiap jenis tempat perikanan, hak-hak yang kepadanya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usulruk harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, deposit galian, telaga minyak atau gas, kuari dan lain-lain tempat pengeluaran sumber alam termasuk balak dan keluaran hutan yang lain. Kapal, bot dan pesawat udara tidaklah dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan langsung, penyewaan, atau dalam penggunaan apa-apa cara lain akan harta tak alih itu.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 Perkara ini hendaklah terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih sesuatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan diri bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika, perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang disebut itu, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu tetapi hanya atas sekian banyak daripadanya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang dijangkakan mungkin dibuat olehnya jika ia adalah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat

dalam aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang baginya ia menjadi establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan, termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am, yang boleh dipotong jika establismen tetap itu adalah suatu perusahaan bebas, setakat yang ia dengan munasabahnya boleh diuntukkan bagi establismen tetap itu, sama ada dilakukan dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Jika maklumat yang tersedia ada pada pihak berkuasa yang kompeten itu adalah tidak mencukupi untuk menentukan keuntungan bagi dikaitkan dengan sesuatu establismen tetap sesuatu perusahaan, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menjejaskan pemakaian mana-mana undang-undang Negara itu berhubungan dengan penentuan, liabiliti cukai seseorang dengan menjalankan budibicara atau membuat anggaran oleh pihak berkuasa kompeten itu, dengan syarat undang-undang hendaklah dipakai, setakat mana maklumat yang tersedia bagi pihak berkuasa kompeten itu membenarkan, mengikut prinsip-prinsip Perkara ini.

5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata kerana establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan bagi perusahaan itu.

6. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran yang diperlakukan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperolehi oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 Perkara 7, pendapatan yang diperolehi daripada pengendalian kapal atau pesawat udara semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji itu boleh dicukai di Negara itu.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini hendaklah juga terpakai kepada pendapatan yang diperolehi oleh perusahaan Negara Pejanji daripada penyertaannya dalam kumpulan, perniagaan bersama atau dalam agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika:

- (a) sesuatu perusahaan kepunyaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan komersil atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, tetapi disebabkan syarat-syarat itu, telah terakru kepada salah satu daripada perusahaan-perusahaan itu, tetapi, disebabkan oleh syarat-syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika Negara Pejanji memasukkan ke dalam keuntungan perusahaan Negara itu dan mencukaikan keuntungan sewajarnya yang ke atasnya perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dicajkan kepada cukai di

Negara Pejanji yang satu lagi dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian oleh Negara yang terdahulu disebut dituntut sebagai keuntungan yang akan terakru kepada perusahaan Negara yang terdahulu disebut itu jika syarat-syarat yang dibuat di antara kedua perusahaan itu adalah apa yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara yang satu lagi itu bolehlah membuat pelarasan yang sesuai mengenai amaun cukai yang dicajkan di dalamnya ke atas keuntungan tersebut, jika Negara yang satu lagi itu menganggap pelarasan itu wajar. Dalam menentukan pelarasan tersebut, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah berunding di antara satu sama lain.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Bagaimanapun, dividen sedemikian boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima adalah pemunya benefisial dividen, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi:

(a) 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu jika pemunya benefisial adalah suatu syarikat (tidak termasuk perkongsian) yang secara langsung memegang sekurang-kurangnya 25 peratus modal syarikat yang membayar dividen;

(b) 15 peratus daripada amaun kasar dividen dalam semua hal-hal lain.

3. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastutin Turki yang menjadi pemunya benefisial hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan ke atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu. Tiada apa-apa pun dalam perenggan ini yang boleh menyentuh peruntukan undang-undang

Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah atau disifatkan telah, dipotong boleh dilaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang bersesuaian dengan tahun taksiran Malaysia sejeurus selepas tahun di mana dividen itu telah dibayar.

4. Istilah "dividen" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer, syer "jouissance" atau hak "jouissance", syer pengasas atau lain-lain hak, yang bukan tuntutan hutang, yang menyertai dalam keuntungan, sebagaimana juga dengan pendapatan daripada hak lain perbadanan yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer menurut undang-undang Negara yang syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

5. Keuntungan suatu syarikat dari suatu Negara Pejanji yang menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya boleh, selepas dikenakan cukai di bawah Perkara 7, dikenakan cukai atas amaun yang selebihnya dalam Negara Pejanji di mana establismen tetap itu terletak dan mengikut perenggan 2.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu; tetapi jika penerima adalah pemunya benefisial bunga itu, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang kepadanya seorang pemastautin Turki adalah berhak secara benefisial hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau keterhutangan lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Pendapatan, 1967 Malaysia.

4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 3, bunga yang terbit di:

(a) Malaysia dan dibayar kepada Kerajaan Turki atau pihak berkuasa tempatan atau kepada Bank Negara Turki (Turkiye Cumhuriyet Merkez Bankasi) atau kepada Turkish Eximbank hendaklah dikecualikan daripada Malaysia;

(b) Turki dan dibayar kepada:

- i) Kerajaan Malaysia;
- ii) Kerajaan-Kerajaan Negeri;
- iii) Pihak berkuasa tempatan; dan
- iv) Bank Negara Malaysia,

hendaklah dikecualikan daripada cukai Turki.

5. Istilah "bunga" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagar secara gadai-janji atau tidak, dan sama ada membawa hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon-bon atau debentur-debentur.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak didalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar dan adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai

7. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang ke atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, disebabkan oleh suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial itu atau antara kedua-dua mereka dengan beberapa seorang yang lain, amaun bunga yang dibayar itu, setelah mengambil kira kepada tuntutan hutang baginya adalah dibayar, melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan bayaran itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti sedemikian boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu adalah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang

dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar royalti itu.

3. Istilah "royalti" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pembayaran daripada apa-apa jenis yang diterima sebagai balasan bagi menggunakan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa hakcipta karya kesusasteraan, kesenian atau saintifik termasuk filem sinematograf dan rakaman bagi radio dan televisyen, apa-apa patan, tanda niaga, rekabentuk atau model, pelan, rahsia formula atau proses, atau bagi maklumat berkenaan dengan, pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik atau bagi menggunakan, atau hak untuk menggunakan peralatan perindustrian, perdagangan atau saintifik.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah secara berkesannya berkaitan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia menjadi seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya hak atau harta yang memberikan royalti itu berkaitan secara berkesannya dan royalti yang sedemikian adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara Pejanji di mana establismen tetap itu terletak.

6. Jika, disebabkan oleh suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial itu atau antara kedua-dua mereka dengan beberapa orang yang lain, amaun royalti yang telah dibayar, setelah mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat baginya adalah dibayar melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan bayaran itu hendaklah tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13

KEUNTUNGAN MODAL

1. Keuntungan yang diperoleh oleh pemastautin Negara Pejanji daripada pemberimilikan harta tak alih, yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Keuntungan daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang perusahaan Negara Pejanji punyai di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih kepunyaan pemastautin Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan diri bebas, termasuk apa-apa keuntungan daripada pemberimilikan establismen tetap sedemikian (bersendirian atau dengan keseluruhan perusahaan) bolehlah dicukaikan di Negara yang satu lagi.
3. Keuntungan daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian di lalulintas antarabangsa atau harta alih yang ebrkriatan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara tersebut hendaklah boleh dicukaikan hanya di Negara Pejanji yang establismen tetap itu menjadi pemastautin.
4. Keuntungan daripada pemberimilikan apa-apa harta selain daripada apa yang disebut dalam perenggan 1, 2 dan 3 hendaklah boleh dicukaikan hanya di Negara Pejanji yang pemberimilikan itu menjadi pemastautin. Walau bagaimanapun, keuntungan modal yang disebut dalam ayat terdahulu dan diperolehi daripada negara Pejanji yang satu lagi, hendaklah boleh dicukaikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu jika tempoh masanya tidak melebihi satu tahun di antara pengambilan dan pemberimilikan.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI BEBAS

1. Pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti bebas lain yang besifat sama boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu. Walau bagaimanapun, pendapatan sedemikian boleh dikenakan cukai di Negara

Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan atau aktiviti adalah dijalankan di Negara yang satu lagi jika:

- (a) dia mempunyai tapak tetap yang tersedia baginya di Negara yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan atau aktiviti tersebut; atau
- (b) dia ada di Negara yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan atau aktiviti tersebut bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang sampai kepada atau melebihi agreget (183) hari dalam tahun kalender yang berkenaan.

Dalam hal tersebut, hanya sekian banyak daripada pendapatan sebagaimana yang boleh dikaitkan kepada tapak tetap itu atau diperolehi daripada perkhidmatan atau aktiviti yang dilaksanakan semasa keadaannya di Negara yang satu lagi itu, mengikut mana-mana berkenaan, bolehlah dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah "perkhidmatan profesional" termasuklah terutamanya aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran seperti juga aktiviti bebas pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN DIRI TANGGUNGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16, 18, 19 dan 20 gaji, upah, saraan lain seumpamanya yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji itu melainkan jika pekerjaan itu dilaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dilaksanakan sedemikian, apa-apa saraan sedemikian sebagaimana yang diperolehi daripadanya boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dilaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:

- (a) penerima itu berada di Negara yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun kalendar berkenaan; dan
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, sesuatu majikan yang tidak menjadi pemastautin Negara yang satu lagi; dan
- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap yang majikannya di Negara yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan terdahulu daripada Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara itu.

Perkara 16

FEE PENGARAH

Fee pengarah dan bayaran yang seumpamanya yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14 dan Perkara 15 pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, artis radio atau televisyen atau pemuzik, atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti persendirian yang sedemikian dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau olahragawan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri

tetapi terakru kepada orang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, dicukai di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah secara langsung atau tak langsung dibiayai secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada kumpulan wang awam Negara Pejanji yang satu lagi, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 19, apa-apa pencen dan lain-lain saraan yang seumpamanya bagi pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi itu.

2. Pencen dan anuiti yang dibayar, dan apa-apa bayaran lain yang dibuat secara berkala atau kadangkala oleh suatu Negara Pejanji, atau satu daripada subbahagian politiknya berkenaan dengan penginsuranan kemalangan diri, bolehlah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

3. Istilah 'anuiti' termasuklah jumlah wang tertentu yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, semasa hayat atau dalam tempoh masa yang dinyatakan atau tempoh masa yang boleh ditentukan, di bawah obligasi untuk membuat bayaran itu sebagai pulangan bagi balasan yang mencukupi dan penuh dalam bentuk wang atau nilai wang.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) .Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara

itu atau subbhagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan sedemikian boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu jika perkhidmatan itu diberikan di Negara yang satu itu dan penerimanya adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:

- (i) menjadi rakyat Negara itu, atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 15, 16, dan 18 hendaklah terpakai bagi saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 20

GURU DAN PELAJAR

1. Pembayaran yang mana seorang pelajar atau perantis perniagaan yang menjadi rakyat Negara Pejanji dan yang berada di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata bagi maksud pendidikan atau latihannya menerima bagi maksud saraan, pendidikan atau latihannya hendaklah tidak dicukaikan di Negara yang satu lagi itu, dengan syarat bahawa pembayaran tersebut terbit daripada punca di luar Negara yang satu lagi itu.

2. Begitu juga, saraan yang diterima oleh guru atau oleh jurulatih yang menjadi rakyat Negara Pejanji dan yang ada di Negara Pejanji yang satu lagi dan maksud utama mengajar atau melibatkan diri dalam penyelidikan

saintifik bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi dua tahun hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu bagi saraannya daripada perkhidmatan diri bagi mengajar atau meyelidik, dengan syarat bahawa pembayaran tersebut terbit daripada punca di luar Negara yang satu lagi itu.

3. Saraan yang mana seorang pelajar atau petatih yang menjadi rakyat Negara Pejanji perolehi daripada pekerjaan yang dia jalankan di Negara Pejanji yang satu lagi bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi 183 hari dalam tahun kalender, demi untuk mendapatkan pengalaman praktikal yang berhubungan dengan pendidikan atau pembentukannya hendaklah tidak dicukaikan di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 21

PENDAPATAN LAIN

Butiran pendapatan pemastautin Negara Pejanji yang tidak disebut secara nyata dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian ini hendaklah boleh dicukaikan hanya di Negara itu kecuali bahawa jika pendapatan tersebut diperolehi daripada punca di Negara Pejanji yang satu lagi, ia bolehlah juga dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 22

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Undang-undang yang berkuatkuasa di salah satu Negara Pejanji hendaklah berterusan mengawal pencukaian pendapatan di Negara masing-masing kecuali jika peruntukan nyata yang bertentangan dibuat dalam Perjanjian ini. Jika pendapatan adalah tertakluk kepada cukai di kedua-dua Negara, pelepasan daripada cukai dua kali hendaklah diberi mengikut perenggan-perenggan yang berikut.

2. Dalam hal Malaysia, tertakluk kepada peruntukan undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia, amaun cukai Turki yang kena dibayar di bawah undang-undang Turki dan menurut peruntukan Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau

melalui potongan oleh pemastautin Malaysia, berkenaan dengan pendapatan daripada punca dalam Turki yang telah tertakluk kepada cukai kedua-duanya di Malaysia dan Turki, hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan tersebut tetapi dalam amaun yang tidak melebihi kadar cukai Malaysia yang pendapatan tersebut dibandingkan dengan keseluruhan pendapatan yang boleh dicajkan ke atas cukai Malaysia.

3. Dalam hal Turki, tertakluk kepada peruntukan undang-undang Turki berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Turki, amaun cukai Malaysia yang kena dibayar di bawah undang-undang Malaysia dan menurut peruntukan Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau melalui potongan, oleh pemastautin Turki, berkenaan dengan pendapatan yang berpunca dalam Malaysia yang telah tertakluk kepada cukai kedua-duanya di Turki dan Malaysia hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Turki yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan sedemikian yang tidak melebihi kadar cukai Turki yang pendapatan tersebut dibandingkan dengan keseluruhan pendapatan yang boleh dicajkan ke atas Cukai Turki.

4. Bagi maksud perenggan 2 dan 3, istilah "cukai yang kena dibayar di suatu Negara Pejanji oleh pemastautin Negara Pejanjian yang satu lagi hendaklah disifatkan sebagai termasuk apa-apa amaun cukai Negara yang terdahulu disebut itu yang sepatutnya kena dibayar di bawah undang-undang pencukaaian Negara itu tetapi bagi apa-apa pengurangan atau pengecualian cukai Negara itu yang diberi di bawah peruntukan berkenaan dengan langkah insentif khas untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di Negara itu yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau mana-mana peruntukan lain yang bolehlah diperkenalkan berikutnya di Negara itu sebagai penyesuaian bagi, atau sebagai tambahan kepada, peruntukan itu setakat mana yang dipersetujui oleh pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji sebagai secara substansialnya bersifat serupa.

5. Walau apa pun ayat terdahulu, cukai yang kena dibayar di Negara Pejanji yang terdahulu disebut hendaklah dikira:

- a) dalam hal bunga yang disebut dalam perenggan 2 dan 3 Perkara 11, pada kadar 15 peratus;
- b) dalam hal royalti yang disebut dalam perenggan 2 Perkara 12, pada kadar 10 peratus.

Walau bagaimanapun, jika cukai di bawah undang-undang pencukaian Negara yang terdahulu disebut terpakai kepada bunga dan royalti yang diperolehi oleh orang yang tidak menjadi pemastautin Negara itu dikurangkan ke bawah daripada apa yang disebut dalam perenggan ini, kadar yang lebih rendah ini hendaklah terpakai bagi maksud perenggan ini.

Perkara 23

TAK BERDISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama adalah atau boleh tertakluk.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 5 Perkara 10, pencukaian ke atas establismen tetap yang dipunyai oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevikan secara kurang baiknya di Negara yang satu lagi itu daripada pencukaian yang dilevikan ke atas perusahaan-perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

3. Perusahaan-perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dipunyai atau dikawal pada keseluruhannya atau sebahagiannya, secara langsung atau tak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan lain yang serupa dari Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh tertakluk.

4. Peruntukan-peruntukan ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji memberi kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun, pelepasan atau pengurangan diri bagi maksud pencukaian di atas sebab taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang di beri kepada pemastautinnya sendiri.

Perkara 24**PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA**

1. Jika seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan baginya pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, tanpa mengira remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji di mana dia menjadi pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 23, kepada pihak berkuasa kompeten di Negara yang ia menjadi rakyatnya.
2. Pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha, jika bantahan itu ternyata kepadanya sebagai berjustifikasi dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.
3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka juga boleh berunding bersama bagi penghapusan pencukaaian dua kali dalam hal yang tidak diperuntukkan baginya dalam Perjanjian ini.
4. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud mencapai suatu persetujuan mengenai perenggan-perenggan yang terdahulu.
5. Dalam Perkara ini, sitilah "pencukaaian" ertinya cukai yang kepadanya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 25**PERTUKARAN MAKLUMAT**

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau undang-undang

domestik Negara-Negara Pejanji berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini khususnya setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bercanggah dengan Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang diterima oleh Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia dengan cara yang sama sebagaimana maklumat diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuklah mahkamah dan badan pentadbir) yang terlibat dengan pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau keputusan rayuan-rayuan berhubung dengan, cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang itu atau pihak berkuasa hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud tertentu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidaklah boleh dalam apa jua hal ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas satu Negara Pejanji kewajipan:

- (a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan-amalan pentadbiran di Negara Pejanji yang satu lagi;
- (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia dagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau profesional atau proses dagangan, atau maklumat yang pendedahannya akan bertentangan dengan dasar awam.

Perkara 26

PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSULAR

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 27

MULA BERKUATKUASA

Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu kepada pihak yang satu lagi menyempurnakan prosedur yang diperlukan di bawah undang-undang bagi membawa kepada penguatkuasaan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang terkemudian pemberitahuan-pemberitahuan ini dan hendaklah dengan itu berkuatkuasa:

- a) di Turki, bagi cukai berkenaan dengan tiap-tiap tahun yang boleh dicukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun yang mengikuti tahun di mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa.
- b) di Malaysia:
 - (i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, bagi pendapatan yang diperolehi pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalender yang mengikuti tahun di mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa;
 - (ii) berkenaan dengan cukai-cukai lain atas pendapatan, cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun kalender kedua tahun mengikuti tahun yang kepadanya Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun kemudiannya daripada taksiran.

Perkara 28

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh Negara Pejanji. Mana-mana Negara Pejanji bolehlah menamatkan Perjanjian ini menerusi saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum mana-mana tahun kalender. Dalam hal yang sedemikian, Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa:

sekurang-kurangnya enam bulan sebelum mana-mana tahun kalender. Dalam hal yang sedemikian, Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa:

- a) di Turki, bagi cukai berkenaan dengan tiap-tiap tahun yang boleh dicukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun yang mengikuti tahun di mana notis penamatan diberikan;
- b) di Malaysia:
 - (i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, bagi pendapatan yang diperolehi pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalender mengikuti tahun di mana notis itu diberikan;
 - (ii) berkenaan dengan cukai lain ke atas pendapatan, pada cukai yang dikenakan bagi mana-mana tahun pentaksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari tahun kalender yang kedua mengikuti tahun yang di mana notis itu diberikan.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Dibuat dalam dua salinan di ANKARA pada hari ini 27 hb September 19 96 tiap-tiap satunya dalam Bahasa Malaysia, Turki dan bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskah adalah sama sahinya. Jika sekiranya terdapat pertikaian mengenai pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, naskah Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK TURKI

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

ISMET ATILA
MENTERI KEWANGAN

DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK
MENTERI PERUSAHAAN UTAMA

PROTOKOL

Pada masa Perjanjian ini ditandatangani antara Kerajaan Republik Turki dan Kerajaan Malaysia mengenai Pengelakkan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal Berkenaan dengan Cukai ke atas Pendapatan, yang bertandatangan di bawah telah bersetuju terhadap peruntukan-peruntukan berikut yang hendaklah menjadi bahagian intergral Perjanjian ini.

1. Tambah kepada Perkara 5, perenggan 2:

Subperenggan (f) dan (g) hendaklah tidak menyentuh hak pencukaaian Turki ke atas pendapatan-pendapatan ini menurut undang-undangnya sendiri.

2. Tambah kepada Perkara 6, perenggan 2:

Adalah difahami bahawa istilah "tempat perikanan dari setiap jenis" tidaklah termasuk tempat perikanan di laut luas.

3. Tambah kepada Perkara 7, perenggan 3:

Dalam memakai perenggan 3 Perkara 7, perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan, sama ada di Negara di mana establismen tetap itu terletak atau di mana-mana tempat lain, hendaklah ditentukan dengan mana-mana satu daripada cara-cara berikut:

- a) amaun yang bersamaan dengan purata perbelanjaan tersebut dalam tiga tahun terdahulu atau jumlah tahun yang lebih kurang dalam hal establismen tetap yang baru ditubuhkan, atau
- b) amaun perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada establismen tetap berdasarkan kepada

- i) akaun yang disenggarakan oleh perusahaan itu, atau
- ii) jumlah amaun modal yang digunakan dalam perniagaan perusahaan dan establismen tetap itu, atau
- iii) jumlah amaun pusing ganti perusahaan itu dan pusing ganti establismen tetap itu, atau
- iv) jumlah amaun kos pengeluaran langsung perusahaan itu dan kos sedemikian bagi establismen tetap itu.

4. Tambah kepada Perkara 10, perenggan 5:

Cukai Turki ke atas keuntungan tak diagihkan hendaklah kekal pada kosong peratus selagi tiada cukai ke atas keuntungan tak diagih dikenakan oleh Malaysia.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah, yang dengan sewajarnya diberikuasa bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani protokol ini.

Dibuat dalam dalam dua salinan diANKARA..... pada hari ini27.hbSeptember.....19 94....., tiap-tiap satunya dalam Bahasa Malaysia, Turki dan bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskhah adalah sama sah. Jika sekiranya terdapat pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, naskah Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK TURKI

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

İSMET ATTILA
MENTERI KEWANGAN

DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK
MENTERI PERUSAHAAN UTAMA